

21/05/1998

Najib selar golongan nujum pak belalang

KUALA KRAI, Rabu - Langkah Barisan Nasional (BN) terutama di Kelantan memperkemas dan menggerakkan jentera parti bukan petanda pilihan raya umum akan diadakan dalam masa terdekat ini.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, berkata sebaliknya langkah itu perlu bagi memastikan jentera parti sentiasa berjalan lancar dan bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Sehubungan itu, katanya, pihak yang meramalkan kononnya pilihan raya akan diadakan dalam tahun ini sebagai 'nujum pak belalang'.

Menurutnya, pihak tertentu cuba membuat andaian itu berdasarkan suasana politik semasa di samping persiapan jentera BN menghadapi pilihan raya umum.

"Langkah BN itu dilakukan bagi memastikan jentera parti sentiasa berjalan lancar dan berada dalam keadaan bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Pelancaran Jentera Pilihan Raya BN Peringkat Parlimen Kuala Krai, di Sekolah Kebangsaan Sungai Pas, dekat sini, petang semalam.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Mengkebang, Kalthum Mohamad; Adun Guchil, Mohd Razali Che Mamat dan Ketua Umno bahagian Kuala Krai, Datuk Wan Zaid Wan Abdullah.

Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata, hanya Allah dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad saja yang tahu bila pilihan raya umum akan diadakan.

Beliau menyambut baik langkah BN peringkat Parlimen Kuala Krai yang melancarkan jentera pilihan raya lebih awal walaupun pilihan raya umum belum ditentukan.

"Bagi kita, BN perlu sentiasa dalam keadaan bersiap sedia untuk menghadapi kemungkinan itu bagi memastikan rakyat terus memberi sokongan kepada kerajaan BN," katanya.

Sebelum ini, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor membayangkan pilihan raya umum akan diadakan lebih awal daripada tempoh mandat lima tahun, sebelum tahun 2000.

(END)